

Publication	Utusan Malaysia	Section/Page No.	Bisnes, 19
Date	Jumaat, 3 Oktober 2014	Lead Article	
Headline	Jumlah Aktuari Bumiputera Bertambah		

Jumlah aktuari bumiputera bertambah

SHAH ALAM 2 Okt. - Jumlah aktuari bumiputera dalam industri insurans tempatan kini meningkat sebanyak 45 peratus berbanding sembilan tahun lalu.

Melihat kepada perkembangan memberangsangkan itu, syarikat insurans Islam pertama Malaysia, Takaful Malaysia Berhad (Takaful) menyumbang sebanyak RM50,000 kepada Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Pengarah Urusan Takaful, Datuk Mohamed Hassan Kamil berkata, tahun ini merupakan kali kedua pihaknya memberi sumbangan ke-

pada pelajar UiTM dalam mengejar impian menjadi pakar penilai risiko bertauliah.

"Kami meneruskan program ini berdasarkan keputusan yang amat memberangsangkan dicatatkan oleh pelajar-pelajar tahun akhir yang menerima sumbangan.

"Jumlah yang telah berjaya lulus dalam peperiksaan profesional sains aktuari meningkat 45 peratus berbanding yang telah lulus peperiksaan tersebut sejak sembilan tahun lalu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan cek sumbangan kepada Dekan

FKSM, Profesor Dr. Azlinah Mohamed di sini semalam.

Sumbangan di bawah program myJalinan Ilmu tersebut adalah salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat tersebut untuk menggalakkan pelajar UiTM memburu kecemerlangan dalam menuntut ilmu dan kerjaya.

Mohamed Kamil menambah, permintaan yang tinggi terhadap aktuari dalam industri insurans tempatan turut mendorong pihaknya menghulurkan bantuan kewangan kepada pelajar kursus terbabit.



MOHAMED Hassan Kamil (dua dari kanan) menyampaikan mock cek sumbangan myJalinan Ilmu kepada Azlinah Mohamed (dua dari kiri) di Shah Alam, kelmarin. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS